

Pelan induk pembangunan wilayah timur diserahkan kepada PM hujung tahun

UM - 21/8/2006

KOTABHARU 20 Ogos - Perdana Menteri berkata, pelan induk pembangunan koridor ekonomi wilayah timur meliputi Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur dijangka dapat dikemukakan oleh Petronas kepadanya menjelang penghujung tahun ini.

Menurut Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Petronas yang dipertanggungjawabkan bagi menyediakan pelan induk itu masih memerlukan sedikit masa memandangkan ia melibatkan banyak perkara termasuk proses perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan.

Katnya, setakat ini beliau masih belum dapat mendedahkan butiran terperinci mengenai bentuk pembangunan dicadangkan tetapi berdasarkan perbincangan dengan Presiden Petronas. Tan Sri Mohd. Hassan Merican, pelan induk itu dapat disiapkan menjelang penghujung tahun ini.

"Insya-Allah menjelang penghujung tahun ini, Petronas dapat kemukakan pelan tersebut kepada

saya," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penu-tup Perkembangan Hadhari di sini hari ini.

Berhubung cadangan Ketua UMNO Bahagian Bagan. Pulau Pinang, Datuk Abdul Latif Mirasa supaya bahagian pulau di Pulau Pinang dijadikan Wilayah Persekutuan bagi mengembalikan kecemerlangan pulau itu sebagai pusat perdagangan terkemuka, Abdullah berkata:

"Tidak, tak ada cadangan untukjadikan Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan," tegasnya sambil enggan mengulas lanjut.

Ketika ditanya pemberita berhubung laporan akhbar berbahasa Cina mengenai rasa tidak puas hati beberapa pemimpin MCA dan Gerakan terhadap ucapan Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin yang didakwa berbau perkauman di Kedah Jumaat lalu, Abdullah berkata, beliau masih belum baca laporan tersebut.